



# **PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI**

**ORGANIZATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)**

**2022 - 2026**

**PERBADANAN  
PEMBANGUNAN SUNGAI DAN  
PANTAI MELAKA (PPSPM)**



**PELAN  
ANTI RASUAH  
ORGANISASI**

**PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA**

**2022-2026**





**PPSPM**

**HIDUP MESTI BERMARUAH  
TINGKATKAN INTEGRITI  
TOLAK RASUAH**







**YAB DATUK SERI AB RAUF BIN YUSOH**  
Ketua Menteri Melaka



# PERUTUSAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI PPSPM

*Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai (PPSPM) telah berjaya membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Tahun 2022-2026. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan Pelan ini. Usaha yang murni ini adalah sebagai mematuhi Arahan YAB Perdana Menteri No.1 selaras dengan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di bawah inisiatif 2.1.5 (m/s 42) yang mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) yang dikawal selia oleh Badan Kawal Selia di peringkat organisasi masing-masing.

Pelan Anti Rasuah Organisasi PPSPM membuktikan kesungguhan organisasi dalam membanteras gejala-gejala rasuah dalam pelaksanaan dan penyampaian pekhidmatan awam di Malaysia. Pelan yang komprehensif ini dibangunkan meliputi aspek berkaitan kecekapan tadbir urus, isu integriti, langkah pencegahan, pelaksanaan dan pemantauan gejala rasuah serta cabaran-cabaran yang dihadapi.

Walau bagaimanapun, kejayaan kita dalam membanteras rasuah tidak akan terlaksana tanpa komitmen dari semua pihak bermula dari amalan nilai-nilai murni oleh setiap pegawai PPSPM, pematuhan kepada etika dan integriti semasa menjalankan tugas sehinggalah kepada komitmen organisasi di dalam memastikan setiap inisiatif, langkah pencegahan, dan pelaksanaan semua aspek tadbir urus perkhidmatan adalah sejajar dengan aspirasi Pelan yang dibangunkan.

Saya dengan ini menyeru kepada semua warga PPSPM dari setiap lapisan pekhidmatan untuk sama-sama menggembleng tenaga dan dengan penuh integriti berusaha membanteras segala bentuk gejala rasuah dan penyelewengan supaya perkhidmatan awam terus cemerlang.





**DATUK Tpr HAJI MURAD BIN HAJI HUSIN**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Pembangunan Sungai  
dan Pantai Melaka



# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PPSPM

*Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Pembentukan Pelan Anti Rasuah (OACP) 2022-2026 PPSPM ini mendukung aspirasi kerajaan dalam memastikan Malaysia, Melaka dikenali dengan integritinya dan bukan kerana rasuahnya.

Kerangka pelan ini adalah hasil daripada perbincangan yang dijalankan di peringkat jabatan melibatkan pelbagai bahagian untuk membangunkan pelan yang lengkap meliputi semua aspek yang berkait rapat dengan kerajaan negeri. Kerjasama semua pihak yang terlibat bersama pemegang taruh dalam membudayakan integriti merupakan gambaran komitmen yang tinggi demi menjayakan aspirasi kerajaan negeri. Pelan ini diharapkan mampu mengatasi kelemahan integriti dan tadbir urus dalam organisasi.

Pengurusan Tertinggi PPSPM berjanji dan komited dalam membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan di PPSPM melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa serta pengamalan nilai-nilai baik.

Semoga dengan inisiatif ini hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara yang Bebas Rasuah menjadi realiti.

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Anti-Rasuah Organisasi PPSPM adalah merupakan satu dokumen dasar anti rasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan anti rasuah dalam organisasi.

Selaras dengan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di bawah inisiatif 2.1.5 (m/s 42) yang mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) yang dikawal selia oleh Badan Kawal Selia di peringkat organisasi masing-masing. Perkara ini dinyatakan secara jelas menerusi dua daripada enam strategi yang dirangka dalam NACP tersebut iaitu pada strategi 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam dan strategi 6: Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat.

Visi Pelan Anti Rasuah PPSPM 2022-2026 adalah untuk melahirkan warga PPSPM yang berrasuah, berintegriti dan menolak rasuah.

## BAB 1

Memberi tumpuan kepada beberapa usaha yang akan diambil oleh PPSPM untuk membanteras gejala rasuah. Bab ini menerangkan maklumat berkaitan latar belakang organisasi dan pelaksanaan inisiatif dalam usaha PPSPM untuk memerangi rasuah dan memupuk budaya integriti dalam kalangan warga kerja PPSPM. Pelbagai inisiatif khusus melibatkan dasar integriti dan tadbir urus PPSPM telah dilaksanakan sebagai bukti komitmen pihak Pengurusan Tertinggi Perbadanan. Pelan Anti Rasuah Organisasi telah menjadi satu inisiatif PPSPM bagi meneruskan usaha ke arah membentuk warga kerja yang berintegriti.

## BAB 2

Merupakan gambaran kepada senario rasuah yang mungkin berlaku di masa hadapan. Segala bentuk kemungkinan rasuah telah dikenalpasti dan perancangan serta penyelesaian yang praktikal disediakan. Sebanyak tiga (3) strategi utama telah digariskan dalam Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) PPSPM

## BAB 3

Pelan ini telah menetapkan tiga (3) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang keutamaan tersebut adalah **Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam** dan **Tadbir Urus Korporat**. Strategi yang dikenalpasti melalui tiga (3) bidang utama ini ialah :-

- Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam
- Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam dan
- Memupuk Tadbir Urus Baik dalam PPSPM



# SINGKATAN

<b>COF</b>	<b>CONTRACT OF SERVICES</b>
<b>CFS</b>	<b>CONTRACT FOR SERVICES</b>
<b>MRC</b>	<b>MELAKA RIVER CRUISE</b>
<b>PPSPM</b>	<b>PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA</b>
<b>IBR</b>	<b>IKRAR BEBAS RASUAH</b>
<b>SPRM</b>	<b>SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA</b>
<b>CRM</b>	<b>CORRUPTION RISK MANAGEMENT</b>
<b>OACP</b>	<b>ORGANIZATIONAL ANTI CORRUPTION PLAN</b>
<b>NACP</b>	<b>NATIONAL ANTI CORRUPTION PLAN</b>
<b>SOP</b>	<b>STANDARD OPERATION PROCEDURE</b>
<b>JAR</b>	<b>JAWATANKUASA ANTI RASUAH</b>
<b>UI</b>	<b>UNIT INTEGRITI</b>



# KANDUNGAN

## **Pernyataan Komitmen Pengurusan Tertinggi PPSPM**

## **Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif PPSPM**

### **Bahagian 1: Pengenalan**

- 1.1 Latar Belakang PPSPM
- 1.2 Keperluan Pembangunan Pelan Anti-Rasuah Organisasi PPSPM
- 1.3 Cabaran Pencegahan Rasuah PPSPM
- 1.4 Analisis Penilaian Risiko Rasuah PPSPM
- 1.5 Bidang Keutamaan Risiko Rasuah

### **Bahagian 2: Senario Pencegahan Rasuah Masa Hadapan**

### **Bahagian 3: Pemerkasaan Usaha Pencegahan Rasuah**

- 3.1 Kerangka Pelan Anti-Rasuah Organisasi PPSPM 2020-2024
- 3.2 Analisis Data
- 3.3 Bidang Keutamaan dan Strategi

### **Bahagian 4: Tadbir Urus Pencegahan Rasuah**

- 4.1 Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan
- 4.2 Mekanisme Penilaian dan Penambahbaikan

### **Bahagian 5: Penutup**



# 01 PENGENALAN

- Profil PPSPM
- Keperluan Pembangunan OACP
- Isu dan Cabaran Pencegahan Rasuah PPSPM
- Analisis Data
- Analisis Penilaian Risiko Rasuah PPSPM
- Inisiatif yang telah dilaksanakan
- Bidang Keutamaan Risiko Rasuah



# PROFIL PPSPM

Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) telah ditubuhkan di bawah enakmen no.3 Tahun 2005. Enakmen ini diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Melaka pada 29hb Mac 2005 dan telah diwartakan pada 28hb April 2005.

Pada awal penubuhan iaitu sekitar tahun 2006, seramai lima (5) orang kakitangan telah dilantik yang mana tiga (3) orang ditempatkan di Melaka River Cruise (MRC) dan dua (2) orang melaksanakan kerja kerja pejabat.

Jumlah penjawatan sekarang adalah seramai 119 kakitangan bertaraf kontrak 'Contract of Services (COF), Contract for Services (CFS), dan Kakitangan Sambilan Harian (PSH).

Keanggotaan Perbadanan menurut enakmen adalah seperti berikut :

1. Seorang Pengerusi dan ianya hendaklah orang yang pada masa itu memegang jawatan Ketua Menteri Melaka atau mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri ;
2. Seorang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri ;
3. Tiga orang ahli Ex-Officio iaitu orang-orang yang pada masa ini menyandang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, dan Pegawai Kewangan Negeri ;
4. Tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Menteri ;
5. Tiga orang ahli yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri ; dan
6. Ketua Pegawai Eksekutif/Perbadanan sebagai setiausaha



# FUNGSI DAN PERANAN PPSPM

**1.**

Merancang dan mengesyorkan kepada pihak Berkuasa Negeri untuk pembangunan dan kemajuan sistem pengangkutan Sungai.

**2.**

Menyelaras perhubungan pelbagai agensi dalam Negeri dan mengalakkan kerjasama serta penyelarasan untuk pembangunan dan pemuliharaan Sungai dan pantai.

**3.**

Membangun, melaksana dan mengalakkan projek infrastruktur untuk tujuan pelancongan.

**4.**

Membangun dan mempromosikan Sungai dan Pantai sebagai destinasi pelancongan dan pusat perdagangan.

**5.**

Menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

**10.**

Menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti pelancongan, rekreasi dan ekonomi di kawasan Sungai dan Pantai.

**9.**

Mendayausahakan kajian-kajian permulaan mengenai kawasan pembangunan dan pembangunan semula dan tinjauan permulaan untuk menentukan sama ada pengusahaan dan perjalanan projek pembangunan atau pembangunan semula boleh dilaksanakan.

**8.**

Memajukan dan menyelaraskan perjalanan apa-apa aktiviti oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat atau Perbadanan atau mana-mana badan atau orang lain.

**6.**

Membangun dan melaksanakan panduan, standard prestasi, cara dan tatacara berhubung dengan pengurusan, penggunaan dan pemuliharaan Sungai dan Pantai.

**11.**

Merancang, mengesyorkan kepada pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan dasar, cara dan langkah yang hendak diambil untuk menjaga, memelihara dan menggalakkan pembangunan Sungai dan Pantai.

**7.**

Menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

**12.**

Menjaga kepentingan negeri di dalam hal pembangunan pengurusan Sungai dan Pantai.

**13.**

Memperolehi dengan cara pembelian, pemberian atau dengan apa cara jua harta alih dan harta tak alih dan apa-apa kepentingan di dalamnya dan dengan persetujuan secara bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan, melepaskan atau dengan cara lain memperniagakan mana-mana harta itu atau mana-mana kepentingan di dalamnya yang diperolehi sedemikian itu oleh Perbadanan.

**14.**

Apa-apa perkara lain yang difikirkan patut bagi membolehkan menjalankan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dengan berkesan.

**15.**

Dengan persetujuan pihak Bekurasa Negeri, boleh menggunakan atau membenarkan supua digunakan harta Perbadanan bagi maksud-maksud selain daripada yang tersebut di atas yang ditetapkan olehnya dan

**16.**

Menjalankan perniagaan berlesen.

**17.**

Mendirikan apa-apa bangunan di atas mana-mana harta tak alih kepunyaan Perbadanan dan menyusun menurut rancangan dan menyediakan harta itu untuk menjalankan fungsi-fungsi Perbadanan atau lain-lain kemudahan dan kesenangan yang bersangkutan dengannya yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

# **VISI, MISI, OBJEKTIF & SLOGAN PPSPM**

## **VISI**

**Melahirkan warga PPSPM yang berintegriti tinggi.**

## **MISI**

**Memperkasa tadbir urus dan integriti warga PPSPM melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa.**

## **OBJEKTIF**

**Membudayakan amalam integriti dalam penyampaian perkhidmatan PPSPM.**

## **SLOGAN**

**Hidup Mesti Bermaruah, Tingkatkan Integriti Tolak Rasuah**



# KEPERLUAN MEMBANGUNKAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI PPSPM

OACP merupakan dokumen dasar anti rasuah diperingkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. OACP berupaya membantu sesebuah organisasi menganalisa, mengenal pasti, merancang, melaksanakan, serta memantau tindakan bagi menangani isu serta permasalahan berkaitan antirasuah dalam organisasi secara Komprehensif, Holistik dan Sistematis.

Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) adalah rujukan utama selain bertindak sebagai panduan bagi semua agensi Kerajaan dan entiti berkaitan dalam membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) masing-masing. OACP ini perlu meliputi isu-isu dalaman organisasi berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan anti rasuah yang harus ditangani serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi.

Keperluan membangunkan OACP adalah seperti berikut :






# ISU DAN CABARAN PPSPM

Isu rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, isu rasuah boleh dibahagi kepada tiga (3) bidang :



# ANALISIS DATA KES TATATERTIB

## DI PPSPM TAHUN 2018-2022




**CARTA 1: ANALISIS DATA BERKAITAN KES TATATERTIB DI PPSPM BAGI TAHUN 2018-2022**

**INFO:** Berdasarkan kepada analisis di carta 1 mendapati bahawa kes tatatertib dalam kalangan PPSPM pada tahun 2018 adalah tinggi iaitu sebanyak 71.4%, 14.03% bagi tahun 2019 dan tahun 2020 adalah sama. Ini menunjukkan penurunan yang ketara oleh kerana tiada kes direkodkan pada tahun 2021 dan tahun 2022. Kes tertinggi yang dicatat pada tahun 2018 adalah disebabkan kurang pengetahuan tentang integriti manakala salah satu faktor yang menyumbang kepada penurunan kes tatatertib secara mendadak ini adalah melalui taklimat kesedaran yang diberikan oleh PPSPM.



# ANALISIS DATA KADAR KEBERHUTANGAN SERIUS (POTONGAN GAJI MELEBIHI 60%) DI PPSPM TAHUN 2018-2022



**CARTA 2: ANALISIS DATA KADAR KEBERHUTANGAN SERIUS BAGI POTONGAN GAJI MELEBIHI 60%  
DI PPSPM BAGI TAHUN 2018-2022**

INFO: Berdasarkan kepada analisis di Carta 2 mendapati bahawa kadar keberhutangan yang serius dalam kalangan warga PPSPM yang tergolong dalam Kumpulan Pelaksana 2 (Gred 1-26) adalah tertinggi iaitu sebanyak 66.7% bagi tahun 2018, 100% bagi tahun 2019 hingga 2022. Ini menunjukkan sedikit penurunan pada tahun 2018 ke tahun 2019 iaitu daripada 4 orang ke 2 orang. Seterusnya, kadar peratusan pada tahun 2019 hingga 2022 menunjukkan purata yang sama oleh kerana tiada rekod yang dicatatkan bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana 1. Antara faktor yang menyumbang kepada keberhutangan yang serius ini adalah gaya hidup yang melebihi emolumen dan pengurusan kewangan peribadi yang kurang cekap.

# BIDANG-BIDANG BERISIKO

**PENTADBIRAN  
SEKTOR  
AWAM**

**TADBIR URUS  
KORPORAT**

**PEROLEHAN  
AWAM**

1

## **Pentadbiran Sektor Awam**

Sektor Awam merupakan tunjang utama dalam pelaksanaan dasar-dasar berkaitan peraturan, prosedur dan pengurusan sumber manusia bagi menyampaikan perkhidmatan kepada pemegang taruh serta pelanggan. Pelaksanaan terhadap dasar-dasar tersebut perlu disokong dengan pekeliling yang berkuat kuasa dan kawalan tambahan yang sewajarnya bagi mengekang unsur-unsur rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

2

## **Perolehan Awam**

Bidang keutamaan Perolehan Awam ialah mengurus perancangan perolehan tahunan PPSPM. Mengurus perolehan secara pembelian terus dan sebutharga. Menyelaraskan semua perolehan secara Tender dan sebutharga. Menyelaraskan urusan spesifikasi untuk urusan perolehan secara tender. Mengurus Jawatankuasa Sebutharga PPSPM. Mengurus Jawatankuasa Penilaian Kewangan dan Penilaian Teknikal. Mengurus Penyediaan Perjanjian Kontrak. (Surat Setuju Terima)

3

## **Tadbir Urus Korporat**

Proses dan struktur yang digunakan untuk mengarah dan mengurus perniagaan dan hal ehwal sesebuah syarikat bagi meningkatkan keuntungan perniagaan dan kebertanggungjawaban korporat dengan tujuan utama untuk mencapai nilai jangka panjang pemegang saham tanpa mengeneppikan kepentingan pihak berkepentingan lain. Memberi panduan serta hala tuju kepada anak syarikat, agensi berkaitan kerajaan untuk mencontohi amalan terbaik sebagai daya tahan terhadap ancaman rasuah di jabatan.



# INISIATIF YANG TELAH DILAKSANAKAN

## 1. IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)



Ikrar Bebas Rasuah (IBR) merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil daripada cetusan idea oleh mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Yang Berbahagia Tan Sri Dzulkifli Ahmad.

IBR ini memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

Warga Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) menolak sekeras-kerasnya amalan rasuah dan tidak akan berkompromi serta melindungi mana-mana kakitangan melakukan salah laku rasuah, penyelewengan, salah laku guna kuasa dan salah laku integriti tanpa mengira peringkat dan jawatan.

Akhir sekali, penerapan, penghayatan dan pengamalan nilai murni serta bersih daripada gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa sentiasa diperkukuhkan dan menjadi amalan berterusan dalam kalangan warga PPSPM.



## 2. PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

# PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

PERBADANAN PEMBANGUNAN  
SUNGAI DAN PANTAI MELAKA  
TAHAP 2022-2026

CRM adalah satu proses pengurusan yang membantu organisasi untuk mengenalpasti risiko-risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematik sehingga mewujudkan tadbir urus terbaik yang boleh menutup ruang peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

## 3. KUIZ INTEGRITI SPRM



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera  
Salam Perangi Rasuah

Kepada rakan-rakan SPRM, sejauh mana anda tahu mengenai jenayah RASUAH? Apakata uji kefahaman anda melalui KUIZ INTEGRITI SPRM MELAKA dengan menekan link di bawah :  
<https://forms.gle/PPhwJ3eJFMEVSMa8>  
atau scan QR code yang disediakan.  
Selamat menjawab.

Untuk makluman, sila hubungi :  
PPs Mohd Zulhaimi bin Ibrahim di talian  
012-6899375

**KAJIAN PERSEPSI KEBERKESANAN  
TINDAKAN PENCEGAHAN RASUAH  
OLEH SURUHJAJANYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**



PPSPM dengan kejasama SPRM telah menjalankan program KUIZ INTEGRITI SPRM MELAKA secara online. KUIZ ini bertujuan untuk menguji kefahaman warga kerja PPSPM berkenaan integriti. Selain itu, kuiz ini juga turut memberi kesedaran mengenai nilai teras dan polisi-polisi integriti yang terdapat di PPSPM.



**02**

# **SENARIO MASA HADAPAN**

- Senario Anti Rasuah
-



Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan Pelan Antirasuah, tetapi tidak berupaya bertahan atau mapan

**S1 Kesyinambungan**

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran

**S2 Kekangan**

## SENARIO ANTI RASUAH 2022

**S4 Merudum**

Rasuah menjadi kelaziman dalam masyarakat sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian

**S3 Perkembangan**

Masa hadapan di mana hasil kewujudan Pelan Antirasuah telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah negara yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai

### Senario

S1  
Senario  
Kesyinambungan

### Pentadbiran Sektor Awam

Penggunaan teknologi maklumat sebagai platform dan mekanisme tadbir urus, kerajaan lebih responsif dan mutu perkhidmatan meningkat. Namun begitu, kegagalan untuk menggunakan teknologi maklumat serta manipulasi sistem berupaya menjejaskan kejayaan pencapaian sektor awam

### Perolehan Awam

Penglibatan tenaga manusia dapat dikurangkan melalui implementasi penggunaan sistem dan teknologi baharu. Tahap kemahiran serta ketelusan pegawai akan dapat dipertingkatkan serta tahap birokrasi akan dapat dikurangkan atau dihapuskan. "Value For Money" akan lebih menjadi realiti dan kualiti hidup masyarakat menjadi bertambah baik. Walau bagaimanapun, dalam tempoh terdekat, aspek seperti ketirisan maklumat atau ketirisan wang awam melalui kaedah perolehan secara rundingan terus dan juga arahan-arahan daripada pihak tertentu masih dijangka akan berlaku.

### Tadbir Urus

Organisasi memberi keutamaan kepada output dan keberhasilan namun begitu kurang memberi penekanan elemen-elemen integriti dalam proses pelaksanaan dasar dan polisi organisasi.

Penggunaan teknologi dan inovasi merupakan sebahagian daripada enabler yang dijangkakan dapat memastikan keberkesanan kesinambungan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Pengurusan perubahan yang berkesan serta kemaskini perundangan yang bersesuaian dengan keadaan semasa turut menyumbang kepada kesinambungan kejayaan penyampaian perkhidmatan awam. Kesiapan untuk menghadapi perubahan serta menerima teknologi dan inovasi terkini adalah perkara yang perlu diambil kira dalam menghadapi senario kesinambungan bagi memastikan keselamatan agensi/jabatan.



**Senario****Pentadbiran Sektor Awam****Perolehan Awam****Tadbir Urus**

S2  
Senario Kekangan

Pengukuhan pentadbiran organisasi yang berintegriti sukar dicapai kerana kurangnya kerjasama jitu daripada pemegang taruh dan individu yang berkepentingan.

Kelompangan (Loopholes) polisi dan dasar kerajaan dimanipulasi oleh pihak berkepentingan dan penggunaan teknologi masih gagal mengekang salah laku integriti.

Sistem tadbir urus organisasi tidak mengalami sebarang perubahan positif dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan disebabkan sebahagian warga organisasi dan pemegang taruh yang berkepentingan tidak meletakkan aspek integriti sebagai keutamaan dalam pelaksanaan tadbir urus.

Sebahagian warga kerja dan pemegang taruh yang berkepentingan tidak meletakkan aspek integriti sebagai keutamaan dalam penyampaian perkhidmatan. Selain itu kelompangan dasar dan polisi dimanipulasi oleh pihak berkepentingan dan pelaku tidak dikenakan tindakan punitif yang sewajarnya. Faktor-faktor ini menyumbang kepada senario kekangan.

**Senario****Pentadbiran Sektor Awam****Perolehan Awam****Tadbir Urus**

S3  
Senario Perkembangan

Sistem tadbir urus melibatkan penyertaan aktif pakar rujuk organisasi dan komuniti dalam membuat keputusan yang lebih telus. Di samping itu, penggunaan teknologi digital yang menyeluruh akan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan secara keseluruhan dan tahap keyakinan penerima perhidmatan adalah tinggi. Sumber kewangan daripada kutipan hasil dan sumber manusia digunakan secara cekap dan berkesan bagi memenuhi ekspektasi orang awam.

Insiden salah guna kuasa dalam perolehan awam dapat dikurangkan ke tahap yang minimum didukung oleh penjawat awam yang berintegriti, cekap, berilmu dan amanah dalam memelihara kepentingan awam. Pengurusan perolehan awam akan lebih efisien dan akan menjimatkan kos kepada orang awam. Justeru, imej dan ketelusan jabatan dalam perolehan awam dapat dipertingkatkan dan secara langsung akan memberi kesan positif kepada kedudukan prestasi ekonomi negara serta mempertahankan kemakmuran rakyat.

Perkembangan dan kecemerlangan tadbir urus korporat jabatan tercapai melalui pengukuhan struktur dan sumber organisasi (perjawatan, peruntukan kewangan, sistem sokongan) serta peningkatan kompetensi penjawat awam di organisasi yang menyumbang kepada tadbir urus korporat yang baik, serta perubahan-perubahan dasar yang menyumbang kepada pengukuhan tadbir urus korporat.

Senario perkembangan di mana anjakan menuju fasa ke arah sebuah negara yang beretika dengan mendukung integriti yang tinggi dan berteraskan nilai seharusnya menjadi hala tuju mana-mana agensi dalam mendepani arus perubahan di masa depan. Bagi mencapai visi tersebut, PPSPM sedar dan maklum bahawa semua faktor yang meliputi penggunaan teknologi digital, pengurusan perubahan yang berkesan serta kemaskini perundangan dan polisi yang bersesuaian dengan keadaan semasa serta pengurusan sumber yang cekap bakal menjadi pemacu kepada penyampaian perkhidmatan agensi yang boleh membawa kepada senario perkembangan yang disasarkan.



## Senario

S4  
Senario Merudum

## Pentadbiran Sektor Awam

Campur tangan pihak ketiga dalam pentadbiran awam yang melibatkan isu integriti, karenah birokrasi, pelanggaran peraturan dan tiada pemantauan yang konsisten memberi kesan kepada amalan tadbir urus yang tidak telus. Keadaan ini menyebabkan elemen rasuah, pembaziran kewangan dan salah guna kuasa berleluasa. Keadaan ini seterusnya mengurangkan tahap keyakinan rakyat terhadap sistem pentadbiran awam dan dasar kerajaan.

## Perolehan Awam

Keadaan ekonomi dan politik negara yang tidak stabil sangat mempengaruhi senario negara. Moral pegawai menurun akibat campur tangan daripada pihak luar secara berluasa di samping kelemahan di dalam sistem sedia ada, diambil kesempatan oleh pihak yang tertentu. Saluran aduan disalahguna untuk mengenakan pegawai lain menyebabkan kegagalan penguatkuasaan. Ini menjdai kelaziman di dalam urusan perolehan awam.

## Tadbir Urus

Tadbir urus organisasi mengalami kemerosotan akibat sikap tidak acuh penjawat awam, campur tangan pihak berkepentingan, perubahan teknologi, keadaan perundangan & prosedur yang lapuk serta tidak berupaya menangani isu-isu semasa yang berbangkit.

Kerangka kerja Pelan Antirasuah Organisasi PPSPM mengenal pasti bahawa campur tangan pihak ketiga dalam pentadbiran awam bakal memberi kesan kepada integriti tadbir urus organisasi yang berupaya menggugat keyakinan rakyat terhadap sistem pentadbiran dan dasar kerajaan. Kestabilan ekonomi dan politik turut dikenalpasti sebagai faktor penting yang menjamin ketuhan pentadbiran negara di samping kewibawaan perundangan serta tindakan penguatkuasaan. Sikap tidak acuh serta kelemahan dalam mengikuti arus perubahan terutamanya dari segi teknologi, perundangan dan prosedur yang lapuk tidak berupaya menangani isu-isu semasa yang berbangkit. Mana-mana kegagalan dalam aspek yang dinyatakan di atas dilihat sebagai penyumbang kepada senario merudum jentera pemerintahan kerajaan.



**03**

# **MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH**

- Keperluan Kerangka OACP
- Perjalanan PPSPM dalam Pembangunan Pelan OACP
- Mengenai Kerangka Pelan
- Episod Pencegahan Rasuah di Malaysia
- Strategi Utama PPSPM
- Keutamaan Strategi
- Mekanisme Pelaksanaan, Penyelarasan dan Pemantauan
-



# KEPERLUAN KERANGKA OACP

Pelan ini telah menetapkan empat (3) bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang keutamaan tersebut ialah Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam dan Tadbir Urus Politik. Strategi yang dikenal pasti melalui empat (3) bidang keutamaan ini adalah memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam dan memupuk tadbir urus baik dalam PPSPM. Strategi yang digariskan ini menjurus pada 9 objektif strategi yang meliputi 16 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

<p><b>VISI</b></p>		<p>Melahirkan warga PPSPM yang berintegriti tinggi.</p>		
<p><b>MISI</b></p>	<p>Memperkasa tadbir urus dan integriti warga PPSPM melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa.</p>			
<p><b>MATLAMAT</b></p>		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan PPSPM.</li> <li>2. Menghapuskan rasuah melalui pemeraksanaan governans dan integriti.</li> </ol>		
<p><b>BIDANG KEUTAMAAN</b></p>	<p>Pentadbiran Sektor Awam</p> 	<p>Perolehan Awam</p> 	<p>Tadbir Urus Korporat</p> 	
<p><b>STRATEGI</b></p>	<p>Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam</p>	<p>Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam</p>	<p>Memupuk Tadbir Urus Baik</p>	



# PERJALANAN PPSPM DALAM PEMBANGUNAN OACP PPSPM 2022-2026



**Kursus ABMS dan OACP PPSPM**

**Oleh Dr Azmi bin Hj. Mohd, Forensic Integrity Consultant**

**Jumaat, 15 Julai 2022**





# MENGENAI KERANGKA OACP




Kerangka OACP menggariskan misi utama OACP PPSPM iaitu memperkasa tadbir urus dan integriti warga PPSPM melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa. Bagi mencapai misi ini **tiga (3) strategi** OACP PPSPM dan **tujuh (7) objektif strategik** yang meliputi **33 inisiatif** perlu dilaksanakan dalam tempoh **lima (5) tahun** akan datang.





# EPISOD PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasan rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0), Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Berikut merupakan kronologi episod pencegahan rasuah di Malaysia.



Antara tahun 2005 hingga 2014, Malaysia telah kehilangan **RM1.8 trillion** menerusi aliran kewangan tidak sah yang mana sebahagian daripadanya berpunca daripada amalan

## RASUAH

SUMBER: *Global Financial Integrity Report 2017*

SEKTOR YANG PALING TERDEDAH KEPADA RASUAH

**63.30%** Aduan rasuah diterima melibatkan  
**Sektor Awam**

SUMBER: *Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)*



# STRATEGI UTAMA PPSPM



**1** Untuk memperkuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, inisiatif seperti program pembangunan kemahiran pengurusan perolehan, peningkatan pemantauan penjawat awam, urusan tapisan integriti, pemberian pengiktirafan serta penyediaan latihan merupakan antara pengisian strategi yang dimaksudkan.

**2** Sebagai pengisian kepada strategi ini, inisiatif naziran, pengukuhan saluran aduan serta pematuhan kepada Akta Rahsia Rasmi, di samping program latihan dan pemulihan dikenal pasti.

**3** Memupuk tadbir urus baik, pemeraksanaan pengurusan yang meliputi pengurusan aduan, pengurusan aset serta pengurusan keselamatan ICT dikenalpasti sebagai sebahagian daripada inisiatif yang perlu dilaksanakan. Aktiviti pemantauan melalui pengauditan dan naziran perlu juga dititikberatkan. Manakala dari aspek pengurusan sumber manusia, urusan tapisan pelantikan, urusan latihan, Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD), aktiviti kaunseling dan proses pusingan kerja juga tidak boleh diabaikan.



# KEUTAMAAN STRATEGI

Penekanan utama perlu diberikan kepada 9 inisiatif daripada 16 inisiatif yang telah dikenal pasti. . Ianya berdasarkan tiga (3) strategi utama iaitu Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam, Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam dan Memupuk Tadbir Urus Baik dalam PPSPM. 9 inisiatif ini dikenal pasti berdasarkan kesegeraan untuk menangani rasuah dan ianya mampu memberikan impak yang tinggi kepada organisasi. Inisiatif ini perlu diberikan keutamaan serta perhatian bagi memastikan pelaksanaannya mengikut tempoh masa yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

BIL	RUJUKAN INISIATIF	INISIATIF	STRATEGI
1.	1.2.1.1	Melaksanakan program kesedaran pengurusan modal insan seperti kursus/seminar aspek governans, integriti dan antirasuah	STRATEGI 1
2.	2.1.4.1	Mengadakan program pembangunan Kemahiran Pengurusan Perolehan bagi meningkatkan pemahaman dan kompetensi pengurusan perolehan di kalangan pegawai awam jabatan	STRATEGI 2
3.	2.1.4.2	Memastikan proses perolehan dipatuhi sepenuhnya berpandukan pekeliling perolehan	STRATEGI 2
4.	2.5.1.3	Pengauditan dan naziran berkala oleh pihak berkecuali	STRATEGI 2
5.	2.5.1.3	Pengauditan dan naziran berkala oleh pihak berkecuali	STRATEGI 2
6.	3.1.6.1	Melaksanakan Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD) yang melibatkan aspek generik dan fungsional	STRATEGI 3
7.	3.1.6.4	Mengenalpasti pegawai yang bermasalah dan melaksanakan program kaunseling	STRATEGI 3
8.	3.1.6.5	Melaksanakan pusingan kerja pegawai di jawatan sensitif (3-5 tahun) dan tidak sensitif (3-8 tahun) berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 2004	STRATEGI 3
9.	3.2.1.3	Memantapkan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan pemantauan infrastruktur ICT	STRATEGI 3



# 1.PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN AWAM

STRATEGI 1 : Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Objektif Strategik 1.1 : Memperkayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik

BIL	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO	PENERAJU / PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
1.1.1	Campurtangan pihak yang berkepentingan dalam porses membuat keputusan tender/ sebutharga	1.1.1.1 Taklimat khusus berkenaan Perlindungan Pemberi Maklumat Whistleblower Policy	Unit Integriri	Mac 2020 – Jun 2020
		1.1.1.2 Mengadakan taklimat mengenai Akta SPRM 2009	Unit Integriti	Mac 2020 – Jun 2020
1.1.2	Kelewatan dalam melaksanakan tugas dan tindakan yang ditetapkan menyebabkan penyampaian perkhidmatan tidak cekap	1.1.2.1 Membangunkan kit pengurusan yang merangkumi aspek kewangan, sumber manusia dan pengurusan secara am.	Unit Integriri	Januari 2020 – Disember 2020

BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN AWAM

STRATEGI 1: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Objektif Strategik 1.2 : Menggalakkan Merit dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan, dan Pelantikan Ke Mana-Mana Jabatan

BIL	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO	PENERAJU / PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
1.2.1	Pegawai penempatan terdedah kepada sogokan /rasuah bagi menempatkan pegawai-pegawai di jawatan sensitif	1.2.1.1 Melaksanakan program kesedaran pengurusan modal insan seperti kursus / seminar dalam aspek governans, integriti dan antirasuah.	Unit Integriri	Januari 2020 – Disember 2020

BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN AWAM

STRATEGI 1: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Objektif Strategik 1.3 : Menambahbaik keberkesanan Pendidikan dan Pembangunan Profesionalisme Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Awam

BIL	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO	PENERAJU / PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
3.1.1	Ketidakekapan pegawai menyebabkan tugas tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.	1.3.1.1 Melaksanakan Program Pembangunan Profesionalisme berterusan (CPD) yang melibatkan aspek generik dan fungsional.	Unit Integriri Bahagian Sumber Manusia	2020-2024
		1.3.1.2 Mewujudkan pengiktirafan dan pemberian anugerah kepada pegawai yang menunjukkan peningkatan prestasi	Semua Bahagian	2020-2024

## 2. PEROLEHAN AWAM

### BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN AWAM

#### STRATEGI 2 : Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

#### Objektif Strategik 2.1 : Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewangan Pasaran Dan Anti Persaingan

BIL	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH)	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO)	PENERAJU / PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
2.1.1	Salah guna kuasa dan penyelewangan dalam pengurusan perolehan.	2.1.1.1 Mengadakan naziran dalaman bagi mengenalpasti kelemahan dan pelanggaran tatacara kewangan serta perolehan melalui kaedah semakan silang antara Jabatan / Bahagian. 2.1.1.2 Menjadikan kursus kewangan dan perolehan, integriti serta etika kerja sebagai kursus wajib ke atas semua pegawai baru.	Unit Integriti  Unit Integriti	Mac 2020 – Jun 2020  Mac 2020 – Jun 2020
2.1.2	Kebocoran maklumat tender atau sebut harga menjejaskan pelaksanaan perolehan dari segi pemilihan syarikat yang tidak kompeten, pembekalan atau pembinaan tidak sempurna seterusnya membuka ruang dan peluang untuk berlakunya rasuah.	2.1.2.1 Memperkuh pelaksanaan Integriti Pack berkenaan tentang pengendalian kawalan maklumat rahsia. 2.1.2.2 Menjalankan pegawai yang berisiko dan melaksanakan program pemulihan atau kaunseling atau pengisytiharan harta lebih kerap.	Bahagian Kewangan & Perolehan  Bahagian Sumber Manusia / Semua Bahagian	2020 – 2024  2020 - 2024
2.1.3	Wujud peluang dan ruang untuk rasuah dan pelanggaran integriti disebabkan oleh pembekalan daripada syarikat atau kontraktor kerja yang sama dan berulang atau penyediaan spesifikasi perolehan yang menjurus kepada pembekal tertentu.	2.1.3.1 Menjadikan kursus kewangan dan perolehan, integriti serta etika kerja sebagai kursus wajib ke atas semua pegawai baru. 2.1.3.2 Menjalankan pegawai yang berisiko dan melaksanakan program pemulihan atau kaunseling atau pengisytiharan harta lebih kerap.	Bahagian Sumber Manusia  Bahagian Sumber Manusia / Semua Bahagian	2020 – 2024  2020 - 2024
2.1.4	Pemilihan dan pelantikan pembekal yang tidak kompeten dan tidak memenuhi syarat kelayakan.	2.1.4.1 Mengadakan Program Pembangunan Kemahiran Pengurusan Perolehan bagi meningkatkan pemahaman dan kompetensi pengurusan perolehan di kalangan pegawai awam jabatan. 2.1.4.2 Memastikan proses Perolehan dipatuhi sepenuhnya berpandukan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.	Bahagian Sumber Manusia  Bahagian Sumber Manusia / Semua Bahagian	2020 – 2024  2020 - 2024



Objektif Strategik 2.1 : Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewangan Pasaran Dan Anti Persaingan

BIL	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO	PENERAJU / PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
2.1.5	Pakatan di antara pembekal dengan pegawai dalam urusan perolehan awam	2.1.5.1 Melakukan semakan dan kajian semula Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan.	Bahagian Kewangan & Perolehan	2020 – 2024
		2.1.5.2 Membuat pusingan pegawai yang menganggotai jawatankuasa pembuka dan penialian tender / sebutharga.	Bahagian Kewangan & Perolehan	2020 – 2024
		2.1.5.3 Pengauditan dan Naziran berkala oleh pihak berkecuali.	Unit Audit Dalam	2020 - 2024

# 3.TADBIR URUS KORPORAT

BIDANG KEUTAMAAN : TADBIR URUS

STRATEGI 3 : Memupuk Tadbir Urus Baik dalam PPSPM

Objektif Strategik 3.1 : Memastikan Pengamalan Ketelusan Dalam PPSPM

BIL	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO	PENERAJU / PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
3.1.1	Pengurusan aduan jabatan yang tidak cekap.	1.1.1.1 Menambahbaik Sistem Pengurusan Aduan bersepadu jabatan. 3.1.1.2 Mengemaskini Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Aduan sebagai panduan kepada Pegawai Pengurusan di Bahagian/Jabatan.	Bahagian Sumber Manusia  Bahagian Sumber Manusia	2020 (Januari – Disember)  2020 - 2024
3.1.2	Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas-tugas pengendalian pengunjung MRC, ruang perniagaan dan berkaitan.	3.1.2.1 Mengadakan bengkel pemantapan pengetahuan peraturan serta akta bagi pegawai baharu/pegawai berkaitan. 3.1.2.2 Mengemaskini dan memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada dipatuhi. 3.1.2.3 Melaksanakan pusingan kerja di peringkat Bahagian bagi jawatan sensitif.	Bahagian Sumber Manusia  Bahagian Sumber Manusia  Bahagian Sumber Manusia	2020 – 2024  2020 – 2024  2020 - 2024
3.1.3	Tadbir urus kewangan yang tidak teratur.  Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas-tugas berkaitan pengurusan kewangan di jabatan.	3.1.3.1 Peningkatan pemahaman dan kompetensi pengurusan perolehan di kalangan pegawai awam jabatan. 3.1.3.2 Menambahbaik dan mengemaskini Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan. 3.1.3.3 Mengadakan naziran dalaman bagi mengenalpasti kelemahan dan pelanggaran tatacara kewangan serta perolehan melalui kaedah semakan silang antara jabatan / bahagian.	Bahagian Kewangan & Perolehan  Bahagian Kewangan & Perolehan  Bahagian Kewangan & Perolehan	2020 – 2024  2020-2024  2020-2024
3.1.4	Kelemahan pengurusan aset alih Jabatan.	3.1.4.1 Mengadakan Kursus Pengurusan Aset dan Taklimat Pemeriksaan Aset kepada Pegawai pemeriksa berkaitan aset alih jabatan. 3.1.4.2 Pemantauan dan pelaporan data Smart Fleet Management kepada pihak pengurusan.	1. Bahagian Sumber Manusia 2. Bahagian Teknologi Maklumat (Aset Alih ICT) Bahagian Sumber Manusia	2020 – 2024  2020 – 2024



Objektif Strategik 3.1 : Memastikan Pengamalan Ketelusan Dalam PPSPM

BIL	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO	PENERAJU / PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
3.1.5	Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas-tugas pelaksanaan program-program.	3.1.5.1 Memperkasa pemantauan projek pembangunan, kekerapan lawatan tapak, perbincangan / mesyuarat susulan dengan pihak berkaitan.	Bahagian Teknikal	2020 – 2024
		3.1.5.2 Meneliti dan menambahbaik Prosedur Operasi (SOP) sedia ada melalui sesi libat urus dengan pihak berkaitan.	Bahagian Teknikal	2020 – 2024
3.1.6	Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas-tugas berkaitan pengurusan sumber manusia di jabatan.	3.1.6.1 Melaksanakan program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (CPD yang melibatkan aspek generik dan fungsional.	Bahagian Sumber Manusia	2020 – 2024
		3.1.6.2 Memperkasa pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalaman dan tatacara berkaitan penempatan agar selari dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh agensi induk.	Bahagian Sumber Manusia	2020 – 2024
		3.1.6.3 Mengenalpasti pegawai yang bermasalah dan melaksanakan program kaunseling.	Bahagian Sumber Manusia	2020-2024
		3.1.6.4 Melaksanakan pusingan kerja pegawai di jawatan sensitif (3-5 tahun) dan tidak sensitif (3-8 tahun) berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2004.	Semua Bahagian Bahagian Sumber Manusia	2020-2024

Objektif Strategik 3.2 : Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah di PPSPM

BIL	RISIKO / POTENSI RISIKO (KELEMAHAN GOVERNANS, INTERGRITI & ANTI RASUAH	INISIATIF / TINDAKAN (Tangani / Atasi RISIKO	PENERAJU / PELAKSANAAN	TEMPOH MASA
3.2.1	Kebocoran maklumat / data dokumen terperingkat	<p>3.2.1.1 Meningkatkan pemahaman dan penghayatan kepada pegawai bagi memperkukuhkan kepatuhan kepada jabatan.</p> <p>3.2.1.2 Memantapkan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Pemantauan infrastruktur ICT.</p> <p>3.2.1.3 Mengadakan Kursus Keselamatan Dokumen Kerajaan dan melaksanakan inspektorat empat (4) kali setahun.</p>	<p>Bahagian Teknologi maklumat</p> <p>Bahagian Teknologi maklumat</p> <p>Bahagian Khidmat Pengurusan</p>	<p>2020 (Januari – Disember)</p> <p>2020 – 2024</p> <p>2020 – 2024</p>



# MEKANISME PELAKSANAAN



# MEKANISME PENYELARASAN & PEMANTAUAN







**04**  
**PENUTUP**



# KESIMPULAN

Sebagai sebuah jabatan teras dalam perkhidmatan awam, PPSPM tidak terkecuali daripada ancaman amalan rasuah dan penyelewengan melibatkan warga kerja dalam organisasi. Usaha memerangi rasuah harus sentiasa dijadikan agenda utama khususnya di peringkat organisasi dengan melaksanakan pelbagai program kesedaran, pemerkasaan kawalan dalaman serta mengenakan tindakan yang tegas terhadap mana-mana warga kerja yang melakukan kesalahan tata tertib mahupun jenayah. Selaras dengan itu, OACP PPSPM yang dibangunkan ini bertindak sebagai wawasan kerangka kerja untuk menjadikan PPSPM sebagai peneraju pembangunan sumber manusia perkhidmatan awam yang bersandarkan kepada prinsip integriti dan tadbir urus yang cemerlang.

OACP PPSPM telah menggariskan pelan tindakan antirasuah bagi tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun untuk dilaksanakan. Berdasarkan kajian dan hasil dapatan penilaian semasa risiko secara menyeluruh, sebanyak 26 inisiatif telah digariskan dan akan diberikan keutamaan agar kelemahan dalam aspek integriti, governans dan rasuah dapat ditangani dengan sistematik. OACP PPSPM ini bertindak sebagai kawalan dalaman yang memainkan peranan penting untuk memastikan sebarang risiko rasuah dapat ditangani dengan berkesan.

Bagi memastikan keberkesanan OACP PPSPM ini, pelaksanaan keseluruhan inisiatif akan dipantau secara berterusan dan penilaian setiap tahun akan dilaksanakan. Keberkesanan setiap inisiatif akan dinilai mengikut perkembangan semasa supaya ianya selari dan menepati hasrat yang diharapkan. Komitmen semua pihak adalah pemangkin utama kepada kejayaan pelaksanaan OACP PPSPM ini dan secara langsung ianya dapat dijadikan panduan yang jelas berkaitan antirasuah kepada seluruh warga kerja. Pembangunan OACP PPSPM 2022-2026 ini juga merupakan gambaran komitmen penuh jabatan bagi merealisasikan usaha Kerajaan untuk memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan sepertimana yang telah dinyatakan dalam NACP 2019–2023.

Selain itu, OACP PPSPM ini juga menjelaskan mekanisme penyelarasan, pemantauan dan penilaian bagi memastikan pelan tindakan di bawah OACP PPSPM dapat dilaksanakan seperti yang dirancang dengan berkesan. Bahkan OACP PPSPM ini dilihat sebagai satu *“living document”* yang akan sentiasa dikaji dan dikemas kini mengikut relevansi perubahan semasa.

# **JAWATANKUASA OACP**

## **PENGERUSI**

Datuk Tpr Haji Murad bin Haji Husin

## **SETIAUSAHA**

Puan Khairunnisa binti Ibno Masooda

## **AHLI-AHLI**

### **1.JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN & KEWANGAN**

Cik Nur Amirah Syazwani binti Zulkifli

Puan Nur Syazrin binti Ramli

Puan Haszurah binti Yusof

### **2.JABATAN PERNIAGAAN, PEMBANGUNAN & KORPORAT**

Puan Siti Natasha binti Rusli

Cik Hanitah binti Abu Bakar

### **3.JABATAN KEJURUTERAAN & OPERASI**

En

## **SETIAUSAHA**

En Masri bin Hj Md Arop

Puan Noor Hana binti Md Sharipp





**DITERBITKAN OLEH  
UNIT INTERGRITI  
PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA**

**Aras 9, Bangunan Graha Maju, Jalan Graha Maju,  
75300 Melaka**

**Tel : 06-281 4322/23  
Fax : 06-281 4325  
Website : [www.ppspm.gov.my](http://www.ppspm.gov.my)**